

MAHATHIR - GSP

SEREMBAN, 17 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED BERKATA KEPUTUSAN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT (AS) MENOLAK PETISYEN YANG MEMINTA AGAR KEMUDAHAN SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) DITARIK BALIK DARIPADA MALAYSIA, DIBUAT SESUDAH JELAS KEPADANYA YANG MALAYSIA TIDAK MENINDAS PEKERJA.

SAMBIL BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN AS KERANA MEMBERI PERTIMBANGAN ADIL, PERDANA MENTERI BERKATA KEPUTUSAN ITU MENYELAMATKAN PEKERJA DI NEGARA INI DARIPADA MENGHADAPI KEMUNGKINAN KEHILANGAN PEKERJAAN.

+KITA JUGA TIDAK PERLU MENGHADAPI MASALAH MEWUJUDKAN PEKERJAAN UNTUK MENAMPUNG PENGANGGURAN AKIBAT PERKARA ITU,+ KATA BELIAU PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN DI SINI PETANG INI, KETIKA DIMINTA MENGULAS KEPUTUSAN KERAJAAN AS ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TIDAK MEMBUAT APA-APA KOMPROMI DENGAN KERAJAAN AS TETAPI MENDAPAT BANTUAN DARIPADA ORANG TERTENTU YANG MENJELASKAN KEADAAN SEBENAR DI NEGARA INI BERHUBUNG DAKWAAN KONONNYA KERAJAAN MENINDAS PEKERJA.

PARA PELABUR DARI AS TURUT MEMBANTU MENJELASKAN MENGENAI PENTADBIRAN BURUH NEGARA INI KEPADA KERAJAAN AS, KATANYA. -- LAGI.
2116MST 17 08 90

D406

U B178 AAB
MAHATHIR - GSP 2 SEREMBAN

MENURUTNYA, KERAJAAN SEBENARNYA MENJAGA KEPENTINGAN PEKERJA DI NEGARA INI DAN KEPENTINGAN ITU TIDAK SEMESTINYA BERMAKNA BAHAWA KALAU MEREKA BOLEH MOGOK SEWENANG-WENANGNYA, ITU ADALAH SESUATU YANG BAIK BAGI MEREKA.

+KITA DAPAT MELIHAT BEBERAPA NEGARA DI MANA PEKERJANYA SELALU MOGOK DAN SEKARANG NEGARA ITU SUDAH MENJADI KURANG MAJU WALAUPUN NEGARA ITU DAHULUNYA MAJU,+ KATANYA.

+SEBAB ITU DI NEGARA INI SEMENTARA KITA MEMBERI HAK KEPADA PEKERJA UNTUK MENGADAKAN TINDAKAN PERUSAHAAN, HAK ITU MESTILAH DIGUNAKAN DENGAN CARA YANG BAIK,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TIDAK BERCADANG MEMBUAT UNDANG-UNDANG BARU UNTUK MENYEKAT PEMIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DARIPADA MEMBURUK-BURUKKAN NEGARA TETAPI AKAN TERUS MEMBERI PENJELASAN KEPADA PEKERJA TENTANG TINDAK-TANDUK PEMIMPIN TERTENTU DALAM KESATUAN.

+BUKAN SEMUA PEMIMPIN... BANYAK PEMIMPIN PEKERJA YANG BERTANGGUNGJAWAB TETAPI DUA TIGA ORANG YANG SEBENARNYA PEMIMPIN POLITIK TELAH MENYELUDUP MASUK KE DALAM KESATUAN SEKERJA KERANA MEREKA TAHU BAHAWA KALAU MEREKA DAPAT MEMPENGARUHI KESATUAN, MEREKA MENDAPAT SOKONGAN POLITIK UNTUK DIRI MEREKA,+ KATANYA. -- LAGI.
2118MST 17 08 90

D407

U B179 AAB
MAHATHIR - GSP 3 SEREMBAN

PEMIMPIN BERKENAAN MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN POLITIK DAN BUKAN KEPENTINGAN PEKERJA DAN SEBAB ITU MEREKA SANGGUP BERUSAHA SUPAYA PEKERJA MENGANGGUR SEMATA-MATA KERANA HENDAK Mencari Pengaruh Politik, KATA BELIAU.

DI MALAYSIA, PARA PEKERJA BEBAS UNTUK MENGADAKAN MOGOK TETAPI JIKA TINDAKAN ITU MEMBERI AKIBAT BURUK KEPADA MEREKA, KERAJAAN JANGAN PULA DISALAHKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MELAWAT SEHARI KE SINI TURUT BERSEMBAHYANG JUMAAT BERSAMA RAKYAT DI MASJID JAMEK AMPANGAN, MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN JAWATANKUASA BARISAN NASIONAL (BN) NEGERI DI WISMA NEGERI SERTA BERJUMPA DENGAN PENYOKONG BN DI DEWAN MPS. -- BERNAMA.